

# THE ART OF IMPACTFUL NETWORKING

Strategi Praktikal Membina Jaringan  
untuk Kejayaan Profesional dan Peribadi

SYAMSUL AMRI A RAZAK



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Perdana Library

18/01/23  
Lib  
7010

Networking etc

soft material

Im  
Syaiful

7/6/23

# THE ART OF IMPACTFUL NETWORKING

PUSTAKA PERDANA



1013325

2023



All right reserved. No part of this publication may be reproduced, distributed, or transmitted in any form or by means, or stored in a database or retrieval system without prior notice written permission of OPEN BRIDGE PUBLICATION SDN. BHD.



First Printing Edition, 2023



Cataloguing-in-Publication Data

Perpustakaan Negara Malaysia

A catalogue record for this book is available from the National Library of Malaysia

ISBN 978-967-369-709-0

**Publication Team:**

Ikram Wazir, Puteri Balqis, Hanz Jamaludin, Nurul Asyiqin, Farizun, Zaidi, Miliza

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing-in-Publication Data

**Published by:**

PUTEH PRESS

An imprint of Open Bridge Publications Sdn. Bhd. (678274-D)  
No.12, Jalan DBP, Dolomite Business Park, 68100, Batu Caves,  
Selangor, Malaysia

[www.facebook.com/puteh.press](http://www.facebook.com/puteh.press)

[www.instagram.com/putehpress](http://www.instagram.com/putehpress)

[admin@putehpress.my](mailto:admin@putehpress.my)

[putehpress.my](http://putehpress.my)

[bookcafe.com.my](http://bookcafe.com.my)

Printed by:

**BS PRINT (M) SDN. BHD.**

No. 10, Jalan Indrahana 1,  
Off Jalan Kuchai Lama,  
58100 Kuala Lumpur.



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# Kandungan

<b>Mukadimah:</b>			
Kepentingan Membina Jaringan	xii	<b>BAB 6</b>	
Prakata	vi	Kenali Pain Points yang Perlu Diurus	32
Apa Kata Mereka Tentang Buku Ini?	viii	<b>BAB 7</b>	
		Persiapan Alat Kerja	38
		Refleksi dan Latihan Bahagian 1	44
<b>BAHAGIAN 1</b>			
<b>PEMETAAN</b>		<b>BAHAGIAN 2</b>	
<b>(MAPPING)</b>		<b>MENCIPTA</b>	
		<b>(SOLICITING)</b>	
<b>BAB 1</b>		<b>BAB 1</b>	
Kenali Diri	3	Jaringan Kepada Seorang Ketua	48
<b>BAB 2</b>		<b>BAB 2</b>	
Penetapan Sasaran	9	Jaringan Satu Dengan, Satu Dengan Ramai	54
<b>BAB 3</b>		<b>BAB 3</b>	
Kemahiran Modal Sosial	15	Perbualan Atas Talian	61
<b>BAB 4</b>		<b>BAB 4</b>	
Menentukan Segmen dan Pintar Budaya	20	Persediaan Awal - Momen Sebelum Turun	68
<b>BAB 5</b>			
Menentukan Faktor Kejayaan	26		

<b>BAB 5</b>		<b>BAB 5</b>	
Menyediakan Ucapan	75	Kenali Konteks dan Lokasi	116
<b>BAB 6</b>		<b>BAB 6</b>	
Ubah Circa ( <i>Change Your Circle</i> )	81	3S (Senyum - Sapa - Salam)	122
<b>BAB 7</b>		<b>BAB 7</b>	
Saya Tiada Kawan: Di Mana Nak Mula	88	Keterampilan	128
Refleksi dan Latihan Bahagian 2	94	Refleksi dan Latihan Bahagian 3	134
<b>BAHAGIAN 3</b>		<b>BAHAGIAN 4</b>	
<b>PEMBUKAAN</b>		<b>MEMPERKAYA</b>	
<b>(OPENING)</b>		<b>(ENRICHING)</b>	
<b>BAB 1</b>		<b>BAB 1</b>	
Mempersiapkan Diri ( <i>Composing</i> )	97	Menjangka yang Luar Jangka	138
<b>BAB 2</b>		<b>BAB 2</b>	
Pilihan Kata-Kata	102	The Rule of Three	143
<b>BAB 3</b>		<b>BAB 3</b>	
Rahsia Mencatat di Buku 555	106	Kemahiran Pintar Budaya dan Pintar Komunikasi	148
<b>BAB 4</b>		<b>BAB 4</b>	
Ia Tentang Mereka	111	Keperluan Membaca untuk Perkaya	154

<b>BAB 5</b>			<b>BAB 4</b>	
Ketampanan Sosial	158		Corong Jaringan ( <i>Network Funnel</i> )	198
<b>BAB 6</b>			<b>BAB 5</b>	
Boleh Pilih Kawankah?	164		Mengekalkan <i>Likability</i> , Jauhi Berseteru	203
<b>BAB 7</b>			<b>BAB 6</b>	
Mengurus Penolakan	170		<i>Mynetworking</i> <i>Journey</i>	208
Refleksi dan Latihan Bahagian 4	175		<b>BAB 7</b>	
<b>BAHAGIAN 5</b>			Pesanan Akhir Dari Teladan Insan Agung	215
<b>MENJAGA</b>			Refleksi dan Latihan Bahagian 5	222
<b>(MAINTAINING)</b>			Bab Penutup	223
<b>BAB 1</b>			Soalan-Soalan Lazim dan Tip Praktikal	225
Perlu Senarai Semak	180		Senarai Rujukan	236
<b>BAB 2</b>				
Bagaimana Boleh Gagal	184			
<b>BAB 3</b>				
Proses Pengalihan Kontaks Sosial Kepada Kontak Bisnes	192			





## Prakata

Tiada apa yang tidak boleh disyukuri atas setiap nikmat kurniaan-Nya termasuklah buku sulung ini dapat disiapkan pada masanya.

Menjadi hasrat dan hajat saya agar buku ini diterima dengan baik oleh para pembaca dan seterusnya dapat diaplikasikan dalam setiap peluang dan keadaan tanpa mengira sebab dan lokasi bahkan tanpa mengira jumlah jaringan dan apa jua halangan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada penerbit, iaitu Open Bridge Publications Sdn. Bhd. (Syarikat penerbitan PTS Media Group Sdn. Bhd.) serta seluruh sidang editor diketuai oleh Tuan Ikram Wazir, Cik Puan Puteri Balqis dan Cik Puan Hanz yang tanpa lelah telah membimbing saya. Pesanan, teguran, tip dan dorongan kalian amat disenangi lagi dihargai.

Saya juga merakamkan terima kasih kepada keluarga yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan terutama buat isteri tercinta Dr. Hajah Suharni Maulan yang sering menemani saya ketika berkarya di pelbagai lokasi. Terlalu banyak momen dan sesi perbualan yang telah mendorong untuk saya dirakamkan ke dalam buku ini. Sebetulnya, kisah-kisah dan pengalaman peribadi saya yang dicatatkan di dalam buku ini telah dilalui bersama dengannya secara langsung mahupun tidak langsung.

Tidak lupa juga buat anak-anak, Nur Alia Shuhada, Nur Najwa Shuhada dan Muhammad Azim yang sering

memberi idea melalui perbincangan dan pertanyaan serta mengingatkan Abah mereka akan pematuhan kepada tarikh akhir serahan.

Khas buat Bonda tersayang, Puan Hajah Che Nah Abd Rani yang terus mendoakan agar ilham berterusan dan kekal kekal untuk saya menulis.

Saya menerima dorongan kuat juga dari adik beradik, ipar duai, saudara mara dan jiran tetangga di Taman Damai Impian, Seksyen 3 Bandar Baru Bangi, Selangor bagi menyempurnakan tulisan ini. Saya mendoakan kalian akan setiap kebaikan di dunia dan akhirat.

Tidak ketinggalan, rakan-rakan di syarikat-syarikat di mana saya bekerja dahulu, rakan-rakan di badan-badan profesional yang penulis sertai sebagai ahli Malaysian Association of Professional Speakers (MAPS), Malaysian Institute of Management (MIM), Institute of Marketing Malaysia (IMM) dan Malaysian Association of Certified Coaches (MACC), para klien dan peserta program latihan dan pembangunan yang saya mengendalikan serta rakan-rakan di media sosial di Facebook, LinkedIn dan Instagram yang memberi syor dan komen-komen membina. Jaringan bersama kalian sememangnya saya hargai dan ingati.

Akhir kata, semoga buku ini diterima dengan baik dan dimanfaatkan sebaiknya buat bekalan kehidupan, insya-Allah.

*www.Sabar.com.my*

# Apa Kata Mereka Tentang Buku Ini?

Ketamadunan dan juga kemanusiaan dibina atas jaringan yang bijak dan tepat. Jaringan pula memerlukan kemahiran menghubungkan satu perkara dengan perkara lain, iaitu *connectivity*. Banyak perkara dan urusan yang payah dan lambat dimudahkan dan disegerakan dengan adanya jaringan pintar dan berimpak. Setiap insan memerlukan kemahiran membina jaringan seperti mana urat dan saraf dalam kejadian biologi manusia mempunyai jaringan bijak dalam kod ciptaan Allah SWT.

Karya 'The Art of Impactful Networking' adalah satu percubaan yang sudah lama dinantikan. Kehidupan menjadi masalah dan kompleks kerana kita tidak ada minda membina jaringan. Kita juga tiada kemahiran sepatutnya membina jaringan. Menjadi seorang '*networker*' adalah satu profession dan kerjaya yang mulia dan berimpak. Semoga karya ini dapat melahirkan ramai '*networker*' yang mampu menjadikan dunia lebih lestari dan selesa untuk semua orang hidup dengan penuh makna, tujuan dan berimpak.

**Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar**

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Amanie  
dan Pemilik Kedah Darul Aman FC.



Alhamdulillah, saya mengenali penulis selama hampir 25 tahun. Pernah bekerja bersama-sama dalam menguruskan syarikat milik UKM. Bertemu klien dan tokoh-tokoh bahkan sesiapa sahaja merupakan satu kemahiran beliau. Satu bacaan yang mesti dimiliki bagi sesiapa yang ingin memulakan kembara membina jaringan dan yang menariknya ia merupakan perkongsian sebenar pengalaman penulis.

**Prof. Dr. Norhamidi Muhamad**

Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Karya Saudara Syamsul membaca pembaca melayari perjalanan membina jaringan melalui satu pendekatan yang cukup berstruktur dan amat mudah difahami.

Bimbingan jitu Saudara Syamsul, melalui lima aspek utama pembinaan jaringan, semestinya akan menguja dan menjayakan usaha pembaca membina jaringan berimpak.

**Siva Seenivasan**

Presiden, Persatuan Penceramah Professional Malaysia  
(Malaysian Association of Professional Speakers) (MAPS).



Keterampilan seseorang individu dapat dilihat dan diukur dari pelbagai sudut. Salah satunya adalah kemahiran membina jaringan.

Kemahiran ini perlu dikuasai untuk kita mengemudi kehidupan bermasyarakat dan berkerjaya dengan lebih memberi impak.

Menerusi buku ini, pembaca pasti menghargai setiap saranan dan panduan pembinaan jaringan yang relevan serta praktikal.

### **Azham Zainal Abidin**

Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan  
Razak School of Government (RSOG).

*Alhamdulillah! The book is relevant for anyone looking to build their network: Whether someone is just starting out in their career or is a seasoned professional or even for daily life, the advice provided in the book is relevant and applicable, the author has transformed his persona and real-life experience to a book.*

### **Usamah Bin Zaid**

Chief Executive Officer  
Alam Sekitar Malaysia Sdn Bhd.

“Karya ini antara solusi terbaik buat pembaca yang mencari mekanisme membina jaringan terbaik. Paparan petua yang dikongsi juga disusun mengikut keperibadian berbeza.



. Baik *introvert* mahupun *extrovert*, baik “newbie” mahupun “otai”, baik CEO mahupun peon, karya ini pasti mencetuskan inspirasi buat pembaca.”

### **Mohd Faizal Sa'aidin**

Pengurus Besar UKM-UNIQEQ Sdn. Bhd.

“Ramai yang boleh berkawan, namun tak semua boleh membina rangkaian untuk perniagaan dan kerjaya. Dalam membina *networking*, penulis menyarankan kita meletak sasaran terlebih dahulu sebelum melangkah dengan proses seterusnya.

Langkah-langkah yang dikongsikan di dalam buku ini memberikan maklumat kepada pembaca bermula dari merancang siapa kita akan jumpa sehingga mendapat hasil daripada jaringan sosial yang baik.


Sebuah buku yang membuka jalan untuk merancang perjalanan karier yang berkonsepkan *move forward!*

Saya suka dengan pepatah di dalam buku ini, iaitu “Binalah kenalan baru dan pada masa yang sama menjaga kenalan yang ada”. Ini bermakna, rangkaian mereka yang di dalam hidup kita bermula sejak kecil hingga akhir hayat.”

### **Hajah Muna Izzah Fadzil**

Perunding Imej dan Komunikasi Professional  
dan Bertauliah / Penulis.





# Mukadimah: Kepentingan Membina Jaringan

**T**ahniah di atas pilihan tuan dan puan dalam memiliki naskhah ini.

Umumnya, di sana sini orang membicarakan tentang jaringan dengan kerap dikatakan sekiranya ingin pergi jauh, perlu ada jaringan yang kuat dan kukuh. Individu yang berhasrat sukses kerjaya sering dikaitkan dengan jaringan kuat dan berkait dengan pihak tertentu. Mahu dapat peluang dan projek juga sering kali dipautkan pada jaringan yang bagus. Pelbagai acara dan perjumpaan dianjurkan atas sebab ingin membina jaringan.

Pada setiap peringkat dan tahap peranan seseorang itu pasti dikaitkan dengan jaringan. Sama ada seorang penjawat awam, usahawan atau tokoh korporat, seorang pendidik atau pelajar, seorang pegawai kanan atau pembantu am mahupun seorang pesara atau suri rumah, semuanya



dianggap pihak berkepentingan dalam membina jaringan. Pihak berkepentingan dengan maksud semuanya terbabit dan akan terlibat dengan dunia jaringan ini secara sedar mahupun tidak sedar.

Hinggakan di sebuah bank terkemuka, wujud nama jawatan 'Relationship Manager' yang menguruskan pelanggan sebagai simbol peri pentingnya fungsi ini, bertugas sebagai *networker*.

Dalam erti kata mudah, sekeliling kita dan apa sahaja pekerjaan yang kita ingin dan sedang lakukan setiapnya itu terkait rapat dengan jaringan. Ibaratnya, selagi bernyawa, tiada siapa akan mampu melakukan apa yang mahu dilakukan secara bersendirian.

Pesanan bijak pandai,

***'Life is to complete, not just to compete':***

**Hidup ini saling melengkapi, bukan sekadar untuk disaingi.**

Bayangkan seandainya seseorang itu tiada jaringan yang kuat?

## Perspektif Islam

la satu nilai universal buat sesiapa untuk berinteraksi dengan orang lain. Manusia juga ditakrifkan oleh pakar bidang

psikologi sebagai '*a social animal*' meskipun saya tidak bersetuju dengan perkataan '*animal*' itu. Manusia ciptaan-Nya ini terlalu istimewa untuk dikaitkan dengan istilah '*animal*' itu.

Banyak pesanan Tuhan di dalam al-Quran tentang penciptaan manusia dan sebab dijadikan manusia. Ini harus dijadikan asas dan kompas kehidupan yang bersifat sementara menuju ke tempat tinggal yang abadi.

Al-Quran menyebut bahawa:

**'Tidak aku jadikan manusia itu selain dari beribadat kepadaKu jua.'**

**[Al-Quran 51:56]**

Pesanan Nabi Muhammad SAW juga sering kita ungkapkan tentang manusia itu dijadikan yang terbaik dan untuk memberi manfaat pada orang lain.

Nabi Muhammad SAW bersabda di dalam satu Hadis yang bermaksud,

**Sebaik-baik manusia itu adalah dia yang memberi manfaat pada orang lain.**

**[HR Ahmad]**



Pesanan Nabi lagi tentang kepentingan membina dan menjaga hubungan silaturahim yang baik sesama manusia.

Nabi Muhammad SAW juga diturunkan untuk membawa rahmat kepada sekalian alam. Ini sendiri membawa maksud manfaat universal kepada seluruh makhluk sekalian alam termasuk haiwan dan alam. Ada riwayat menceritakan ciri-ciri keperibadian Nabi Muhammad sebelum diangkat menjadi Rasul adalah seorang yang amat dipercayai dan menjaga serta menyambung silaturahim. Bagaimana masyarakat Quraisy dapat memberikan kepercayaan kepada Baginda, sekiranya Baginda bukan seorang yang disenangi lagi dipercayai dan dihormati di kalangan penduduk Mekah ketika itu.

Sekiranya terus diamati tentang konteks memberi manfaat kepada orang lain khususnya, ia akan berlaku dengan berkesan apabila ia didasarkan kepada hubungan baik.

Manfaat kepada orang lain seperti pesanan penulis Indonesia terkemuka, Pak Andrea Hirata di dalam karyanya *Laskar Pelangi*, 'Hiduplah untuk memberi yang sebanyaknya' akan hanya terhasil apabila berlakunya interaksi dengan orang lain.



Baginda Nabi SAW juga berpesan,

**'Daripada 'Abdullah bin 'Amru RA, daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seseorang itu digelar al-Wasil (penyambung silaturahmi) apabila dia bersifat**

**al-Muktafi` i (orang yang menyambung silaturahmi jika saudaranya menyambungny dan akan memutuskan apabila mereka memutuskannya), akan tetapi al-Wasil itu ialah seseorang yang apabila terputus silaturahmi, beliau segera menyambungkannya."**

**(HR Bukhari)**

Jelas kepada kita, sebagai seorang Muslim mengenai kepentingan dan besar manfaatnya kepada sesiapa yang membina dan menjaga tali persaudaraan dan silaturahmi sesama manusia. Hatta, menjaga hubungan baik dengan makhluk yang lain seperti haiwan dan alam juga tidak boleh dikesampingkan.

Kita akan meneruskan kembara membina jaringan melalui bab-bab di dalam buku ini dengan harapan ia mampu membantu para pembaca mengenal, memahami dan seterusnya menguasai kemahiran yang amat penting ini.

**Selamat menekuninya!**



**BAHAGIAN 1**

**PEMETAAN**  
*(MAPPING)*

# THE ART OF IMPACTFUL NETWORKING

Karya 'The Art of Impactful Networking' adalah satu percubaan yang sudah lama dinantikan. Kehidupan menjadi masalah dan kompleks kerana kita tidak ada minda membina jaringan. Kita juga tiada kemahiran sepatutnya membina jaringan. Menjadi seorang 'networker' adalah satu profession dan kerjaya yang mulia dan berimpak. Semoga karya ini dapat melahirkan ramai 'networker' yang mampu menjadikan dunia lebih lestari dan selesa untuk semua orang hidup dengan penuh makna, tujuan dan berimpak.

**Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar**


Pengerusi Eksekutif Kumpulan Amanie dan Pemilik Kedah Darul Aman FC

**"Apa itu networking?"**

**"Mengapa saya perlu membina jaringan?"**  
**"Bagaimana saya harus bermula?"**

Temukan jawapannya di dalam buku yang sedang berada di tangan anda ini. Mengandungi panduan praktikal dengan 5 strategi berstruktur yang dilengkapi contoh untuk kefahaman jelas. Sarat tip yang mudah diaplikasi sekali gus diterap kepada gaya hidup. Senarai soalan kelaziman (FAQ) disertakan sebagai panduan.

Kemahiran membina jaringan wajar dimiliki setiap individu. Sama ada anda ahli perniagaan, penjawat awam, ahli akademik, aktivis NGO, pendakwah, pesara, pelajar mahupun suri rumah. Jaringan yang luas dibina bermula dengan membaca naskhah ini. Selamat menekuninya!



**HJ Syamsul Amri bin Abdul Razak** atau **SABAR** merupakan seorang Jurulatih dan *Coach* bertauliah. Berkelulusan Undang-Undang dari UIA dan MBA dari UKM, beliau telah terlibat dengan dunia Pembangunan Perniagaan, Pengurusan Strategik, Jualan dan Pemasaran melebihi 25 tahun dan pernah memegang jawatan kanan pengurusan sebagai Ketua Pegawai Operasi, Pengarah Pembangunan Perniagaan dan Pengurus Besar Pemasaran di syarikat milik kerajaan dan korporat. Kini, menerajui SABAR Training and Resources dengan tumpuan aktiviti latihan dan pembangunan serta mengendalikannya sesi-sesi *coaching* melibatkan modul-modul seperti Kepimpinan Strategik, Komunikasi Perniagaan, Hubungan Perorangan, Jualan dan Pemasaran, dan Negosiasi.

ISBN 978-967-369-709-0



9 789673 697090

West Malaysia RM40.00

East Malaysia RM43.00



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDAMA